



# prihatin

sentiasa bersama mu

BERITA SPANCO



04

**KHIDMAT  
PENYENGGARAAN  
DAN PEMBAIKAN  
SERTA CAJ YANG DIKENAKAN  
UNTUK KENDERAAN FLEET**

08

**PEMBANGUNAN  
SISTEM TEKNOLOGI  
MAKLUMAT  
MEMANFAATKAN  
PELANGGAN**

14

**HIDUP LEBIH  
PRODUKTIF DENGAN  
6 APLIKASI ANDROID**

18

**8 TEMPAT PERLU  
DIKUNJUNGI DI  
AMERIKA SELATAN**





# prihatin

*sentiasa bersama mu*

jilid 5 | Sept - Okt 2015  
**MENARIK KELUARAN INI**

## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Rusman Bassri

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

**Tel** 03-6192 8888

**Faks** 03-6192 8999

**emel** [prihatin@spanco.com.my](mailto:prihatin@spanco.com.my)

**web** [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my)

**Talian bebas tol** 1-800-88-6999

## PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

**Tel** 03-8941 4013

**Faks** 03-8941 4014

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

## SEKILAS MINDA

**03** Patuhi Servis Berjadual, Elakkan Sebarang Risiko Kemalangan

## YANG PERLU ANDA TAHU

**04** Khidmat Penyenggaraan dan Pembaikan Serta Caj yang Dikenakan untuk Kenderaan Fleet

**07** Statistik Kemalangan dan Kos Pembaikan untuk Fleet SPANCO

## MENJEJAK INSPIRASI

**08** Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat Memanfaatkan Pelanggan

## KATA MEREKA

**10** YBhg. Dato' Dr. Haji Khalid Ibrahim Mengutamakan Kualiti dan Prestasi dalam Mengangkat Martabat Hospital Sungai Buloh

## SERVIS ITU PENTING!

**12** Manfaat Membuat Temu Janji Sebelum Menghantar Kereta untuk Diservis

## PERSADA INOVASI

**14** Hidup Lebih Produktif dengan 6 Aplikasi Android

## MERAKAM CATATAN

**16** Pameran GPEC 2015

**16** Penyerahan Kenderaan Peronda Polis untuk Kontinjen Selangor

**16** Lawatan Kunjung Hormat YDH SAC Dato' Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid, Ketua Jabatan Ketenteraman Awam / Ketua Trafik Negeri (KL)

**17** Kejohanan Futsal SPANCO 2015

**17** Seminar Pegawai Turus Logistik Pengangkutan /

Pegawai Pengangkutan Polis Diraja Malaysia

**17** Taklimat Pengurusan Kenderaan Peronda Polis kepada Penyelia-Penyelia di Selangor

**17** Penyerahan Kenderaan Peronda Polis (70 Unit) untuk Kontinjen Pulau Pinang

## LIBUR DESTINASI

**18** 8 Tempat Perlu Dikunjungi di Amerika Selatan

## BICARA SIHAT

**20** 'Personalised Medicine' Konsep Rawatan Peribadi untuk Setiap Pesakit

## PILIHAN SERVIS ANDA

**22** Sarawak

**23** Pelantikan Baru di Sarawak



## PATUHI SERVIS BERJADUAL ELAKKAN SEBARANG RISIKO KEMALANGAN

BERTERASKAN perkhidmatan profesional dan peralatan berteknologi tinggi, SPANCO sentiasa komited memberikan khidmat cemerlang kepada pelanggan terutamanya dari segi servis dan pembaikan kenderaan. Dengan perancangan strategik serta tenaga kerja berkemahiran, kami sentiasa memastikan kenderaan dijamin berada pada tahap optimum.

Bagi merealisasikan matlamat ini, kami amat menitikberatkan agar pelanggan mematuhi servis berjadual untuk kenderaan masing-masing. Memastikan kenderaan sentiasa diservis tepat pada masanya amatlah penting. Kenderaan yang dijaga dengan penyenggaraan yang baik akan memudahkan urusan seharian dan memberikan penggunaan yang lebih produktif.

Pelanggan yang tidak mematuhi servis berjadual akan mengakibatkan 'vehicle off road' yang tidak dirancang sekali gus menyebabkan kehilangan produktiviti kerja. Akan wujud juga potensi kerosakan dari segi kegagalan komponen yang sensitif terhadap penyenggaraan biasa seperti transmisi automatik amnya atau yang lebih khusus, komponen turbo di dalam Proton Prevé. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerosakan tersebut. Malah, kegagalan menggantikan alat ganti pada masanya boleh mengakibatkan kemalangan kepada kenderaan.

SPANCO sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan semua pengguna diberitahu mengenai servis berjadual mereka melalui khidmat pesanan ringkas, pelekat yang ditampal pada cermin

hadapan kereta, peringatan atau 'servis reminder' dan ramalan untuk tarikh servis akan datang berdasarkan kepada jarak pemanduan harian.

Kami amat menyanjung dan berterima kasih atas keprihatinan pelanggan untuk sama-sama menjaga kenderaan dan memastikan kenderaan diservis mengikut jadual yang tepat. Luangkan masa anda untuk berkunjung ke mana-mana pusat servis SPANCO untuk melakukan servis dan penyenggaraan kereta anda bagi mengelakkan sebarang kerosakan dan kemalangan.

**PETER LIM**  
*Pengarah Eksekutif*

# KHIDMAT PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN SERTA CAJ YANG DIKENAKAN UNTUK KENDERAAN FLEET

Artikel berikut adalah kesinambungan dari siri Pengurusan Fleet. Sebelum ini, PRIHATIN telah membincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam memilih tempoh penggantian yang sesuai. Manakala jilid kali ini akan menerangkan pula mengenai perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan serta caj tetap yang disediakan oleh SPANCO.

MEMASUKI operasi tahun ke-21, Pengurusan Fleet Profesional SPANCO kini membekal dan menguruskan fleet untuk 34 kementerian serta agensi Kerajaan di seluruh negara dengan jumlah kenderaan melebihi 11,000 unit. Perkhidmatan yang disediakan adalah menyeluruh, iaitu tidak terbatas kepada pembekalan dan pengurusan sahaja malahan turut merangkumi khidmat penyenggaraan dan pembaikan kenderaan-kenderaan tersebut.

## Skop Perkhidmatan SPANCO

- Pembekalan dan pengurusan fleet
- Penyenggaraan dan pembaikan fleet

## SERVIS PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Di dalam skop perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan, agensi dan kementerian boleh menghantar kenderaan ke mana-mana pusat servis SPANCO untuk diservis atau dibaiki apabila diperlukan.

Terdapat dua jenis perkhidmatan servis kereta yang disediakan untuk pelanggan iaitu **servis berjadual** dan **servis pembaikan**.

**Servis berjadual** adalah penyenggaraan yang dilakukan terhadap kereta pada jarak perbatuan 1,000km, 5,000km, 10,000km, 20,000km dan setiap 10,000km seterusnya iaitu seperti yang disyorkan pihak pengeluar, Proton.

Bagaimanapun jarak perbatuan bagi keperluan servis berjadual mungkin sedikit berbeza bergantung kepada model kereta.

Antara tugas yang dilakukan semasa servis berjadual adalah seperti menukar minyak pelincir, penapis minyak dan penuras udara selain bendalir atau alat ganti tertentu berpandukan saranan

## SKOP PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN (R&M)

- ➔ Servis berjadual.
- ➔ Penyenggaraan cegahan.
- ➔ Pembaikan kerosakan dan kemalangan.
- ➔ Pusat Panggilan 24 jam bagi kerosakan 1- 800 - 88 - 6999.
- ➔ Bantuan kecemasan dan tunda 24 jam.
- ➔ Peruntukan kereta ganti (SPC).
- ➔ Servis audit.





Proton. Di samping itu pemutaran dan penjajaran tayar turut dilakukan.

Bagi setiap perbatuan 40,000km dan 100,000km, servis berjadual membabitkan servis utama seperti menukar bendalir sistem transmisi (kotak gear), menyenggara sistem penyejukan, menukar tali sawat penalaan dan palam pencucuh (yang mana berkenaan).

Selain melaksanakan servis secara berjadual, aspek pencegahan juga adalah skop penting perkhidmatan SPANCO di mana komponen akan diperiksa, diservis dan ditukar sebelum ia rosak seperti tayar, bateri, alat ganti seperti penyerap hentakan, brek dan sebagainya.

**Servis pembaikan** pula membabitkan penyenggaraan membaik pulih kerosakan mekanikal dan kemalangan termasuk rombak rawat enjin dan mengetuk serta mengecat badan kereta.

## SERVIS AUDIT

Dalam pada itu, pasukan SPANCO turut menganjurkan servis audit di seluruh negara sepanjang tahun bagi menilai tahap keupayaan kenderaan fleet dan Pusat Servis Diiktiraf (PSD).

Aktiviti audit amat penting bagi menentukan kenderaan-kenderaan disenggara dengan baik oleh PSD termasuklah juga tanggungjawab para pemandu dalam memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan sempurna.

## Kos Pajakan

- Sewa pajakan tetap
- Kos penyenggaraan dan pembaikan tetap

## SERVIS PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Servis  
berjadual

Kilometer 1K, 5K, 10K, 20K...  
termasuk pemutaran dan  
penjajaran tayar (seperti yang  
disyorkan oleh Proton)

Servis  
pembaikan

Baik pulih kerosakan,  
kerosakan mekanikal,  
kemalangan, rombak  
rawat, ketuk dan  
mengecat badan

## KOS PAJAKAN DAN SENGARAAN ADALAH TETAP

Kos pajakan SPANCO adalah tetap, merangkumi sewa serta caj untuk perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan yang diterangkan sebelum ini. Ia melayakkan mana-mana agensi dan kementerian mendapatkan servis sekerap mana yang diperlukan.

Bagaimanapun, butiran kos pajakan adalah seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

## SEWA PAJAK

Sewa pajakan yang tetap dikira berdasarkan formula yang mengambil kira harga kenderaan yang diluluskan, premium insurans, kos pembiayaan, jumlah tahun bagi tempoh pajakan dan caj perkhidmatan pengurusan fleet.

Kos kenderaan yang diluluskan dibayar kepada pengeluar kenderaan, manakala premium insurans yang ditentukan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), dibayar kepada syarikat insurans. Kos pembiayaan pula dikira berdasarkan kadar purata faedah sewa beli yang ditetapkan institusi kewangan yang disahkan pada masa pajakan bermula.

## KOS SENGARAAN


Kos penyenggaraan dan pembaikan (R&M) bagi sesuatu tahun juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu berdasarkan harga kenderaan dan aksesori yang diluluskan serta usia kenderaan.

Caj itu berbeza dan bertambah mengikut tahun kerana kos menyenggara dan membaiki sesebuah kereta akan meningkat seiring usia kereta itu (sila rujuk kepada artikel dalam siri yang lalu).

Caj R&M melayakkan pelanggan mendapatkan khidmat penyenggaraan dan pembaikan tanpa had yang merangkumi servis berjadual, servis lazim, khidmat baik pulih kemalangan dan kerosakan mekanikal serta khidmat bantuan kecemasan 24 jam.

Caj-caj lain termasuklah kos penghantaran ke luar Semenanjung Malaysia, pendaftaran kenderaan, perkhidmatan semburan semula cat (sekiranya diperlukan) dan menggantikan kunci. Caj yang berasingan juga dikenakan atas kecauan pelanggan.

## RANGKAIAN PUSAT SERVIS SPANCO



Pada siri terakhir, PRIHATIN akan menerangkan mengenai nilai baki, kerosakan haus dan lusuh serta tanggungjawab pelanggan semasa memulangkan kenderaan pada akhir tempoh pajakan.


# Statistik Kemalangan dan Kos Pembaikan Untuk Fleet SPANCO

PURATA kos pembaikan bagi setiap kes kemalangan yang membabitkan fleet SPANCO mencatatkan peningkatan sejak 2010.


Saiz fleet setakat September 2015 adalah **11,375** unit bertambah dari **9,376** pada 2010.

Purata kos pembaikan kemalangan turut meningkat kepada **RM2,793** setiap kes setakat September 2015 berbanding **RM2,451** setiap kes pada 2010.

## Rekod Kemalangan Fleet 2010 -2015



## Perbandingan Kemalangan Suku Tahunan 2014 -2015



Trend peningkatan kos pembaikan dari suku tahun ke suku tahun turut mencatatkan peningkatan sejak Suku Pertama 2014.

Purata tertinggi direkodkan pada Suku Ketiga 2015 (Julai, Ogos dan September) dengan kos **RM3,136** bagi setiap kes kemalangan.

Suku Ketiga 2015 turut merekodkan jumlah kos pembaikan kemalangan kedua tertinggi bagi tempoh yang sama iaitu sebanyak **RM2.11 juta**.

- Dari segi jenis kemalangan pula, setakat September 2015, 'Kerosakan Sendiri' merekodkan jumlah kos dan kes tertinggi iaitu **RM2.37 juta** dan **1,793 kes**.
- Ini diikuti oleh 'Kerosakan Harta Pihak Ketiga' dengan **RM1.29 juta** dan **107 kes**.
- Trend peningkatan kemalangan amat membimbangkan bukan sahaja dari segi kerosakan harta benda tetapi juga kehilangan nyawa.
- Para pengguna fleet dinasihatkan supaya lebih berhati-hati bagi mengelakkan tragedi yang tidak diingini dari terus berlaku.





## PEMBANGUNAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT MEMANFAATKAN PELANGGAN

MEMANFAATKAN teknologi maklumat (IT) adalah cara terbaik meningkatkan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan. Bermula dengan SIKOM, kemudian Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu dan kini Fleet Management System, pembangunan sistem IT SPANCO telah berkembang dengan begitu memberangsangkan sekali.

Sistem pengurusan fleet berkomputer SIKOM dilaksanakan pada September

1996 yang menyatukan operasi kewangan, servis, insurans dan pajakan selain berupaya menggabungkan pelbagai sistem yang digunakan pada masa itu. Pada September 1999 ia dikemaskinikan kepada SIKOM OPEN ENTERPRISE, bagi pematuhan tahun 2000 (Y2K). Sistem Tempahan Bagi Kerja Servis dan Pembaikan di Pusat Servis Wilayah, Segambut pula dikuatkuasakan pada April 2000.

Selaras dengan pertambahan jumlah

fleet, pada Mei 2007, Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu yang baharu mula beroperasi. Ia adalah sistem IT yang dibangunkan sendiri oleh pasukan SPANCO yang berorientasikan perkhidmatan dan menggabungkan pelbagai kemudahan, ciri dan modul yang berintegrasi sepenuhnya.

Sistem tersebut kemudian digantikan pula dengan sistem yang lebih baharu dan terkini apabila Fleet Management System (FMS) dilancarkan pada September 2012.

### PORTAL FLEET ONLINE

Antara kemudahan IT yang disediakan khusus untuk pelanggan adalah Portal Fleet Online yang diperkenalkan pada April 2009 bagi menggantikan portal dalam talian yang digunakan sebelum itu. Portal Fleet Online membolehkan pelanggan melihat setiap kereta atau fleet kereta yang dipajak dan maklumat yang berkaitan melalui perkhidmatan berasaskan dalam talian.

Pelanggan boleh melihat maklumat terkini kenderaan masing-masing antaranya seperti status pembaikan, tarikh servis berikutnya, jumlah saman tertunggak, status pesanan dan tahap ketersediaan dalam masa sebenar. Segala maklumat boleh dicapai pada bila-bila masa secara terperinci atau disaring mengikut keperluan melalui pautan skrin ke skrin yang dihubungkan terus ke sumber.

### ASC E-APPROVAL

ASC e-approval pula adalah satu modul dalam Sistem Pengurusan Fleet Bersepadu dan FMS yang menggabungkan maklumat lengkap pengguna, kenderaan dan sejarah penyenggaraan. Ia dilancarkan sepenuhnya pada September 2008, membolehkan Pusat Servis Diiktiraf (PSD atau ASC - Accredited Service Centre) mendapatkan kod kelulusan secara dalam talian dalam masa sebenar. Pada Januari 2010, ASC e-approval dikuatkuasakan sepenuhnya di semua PSD.

Pada 2012, sebuah modul ASC e-approval yang baharu telah dilancarkan bagi meningkatkan lagi kawalan dan kecekapan transaksi sekali gus memberi lebih manfaat kepada pengguna-pengguna fleet.



**BERIKUT ADALAH ANTARA TARIKH PENTING DALAM PEMBANGUNAN  
SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT DI SPANCO:**

**SEPTEMBER 1996**

Sistem pengurusan fleet berkomputer SIKOM dilaksanakan.

**SEPTEMBER 1999**

SIKOM dikemaskinikan kepada SIKOM OPEN ENTERPRISE.

**APRIL 2000**

Sistem Tempahan Bagi Kerja Servis dan Pembaikan di Pusat Servis Wilayah, Segambut dikuatkuasakan.

**SEPTEMBER 2001**

Sistem Elektronik Eksais (EES) yang memudahkan urusan pembayaran duti eksais kenderaan bermotor secara dalam talian dikuatkuasakan di mana SPANCO terbabit secara langsung.



**JANUARI 2004**

Sistem Tempahan melalui khidmat pesanan ringkas SMS diperkenalkan.



**JANUARI 2004**

SPANCO Workshop Floor System (SWFS) menjalani peringkat percubaan. Ia merekod dan memaparkan status terkini penyenggaraan sesebuah kereta bermula dari dihantar masuk ke pusat servis sehinggalah diambil semula oleh pelanggan.

**MAC 2005**

SMS Alert System, iaitu sistem pemberitahuan status pembaikan kereta secara automatik melalui SMS diperkenalkan.

**JULAI 2005**

SPANCO Fleet Online dilancarkan bagi menyediakan pelanggan kemudahan dalam menguruskan fleet mereka secara dalam talian.

**MEI 2007**

Selaras pertambahan fleet, sistem perisian pengurusan fleet yang baharu iaitu **Tranman Fleet Management Software System** dari United Kingdom, dilancarkan bagi menggantikan sistem yang lama.

**FEBRUARI 2008**

Management Dashboard diperkenalkan khusus untuk pihak pengurusan. Dibangunkan sendiri oleh pasukan SPANCO, peralatan analisis ini memaparkan maklumat prestasi fleet dalam masa sebenar secara dalam talian.

**JUN 2008**

ASC e-approval diuji secara berperingkat-peringkat di seluruh negara, merupakan satu kemudahan dalam talian khusus untuk Pusat Servis Diiktiraf (PSD) mendapatkan kelulusan melalui Internet.



**SEPTEMBER 2008**

ASC e-approval dilancarkan sepenuhnya.

**APRIL 2009**

Operation Dashboard diperkenalkan. Melalui paparan grafik yang mesra pengguna dan mudah difahami, pelanggan boleh mengetahui prestasi fleet mereka melalui Internet dalam masa sebenar.

**JANUARI 2010**

ASC e-approval dikuatkuasakan sepenuhnya di semua PSD.



**SEPTEMBER 2012**

Fleet Management System (FMS) yang baharu dilancarkan.

**OKTOBER 2012**

Kawalan dan kecekapan transaksi dipertingkatkan dengan pelancaran modul ASC e-approval yang baharu.

Secara ringkasnya, pelaksanaan sistem IT yang berkesan dan diyakini adalah selaras aspirasi untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada pelanggan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang sentiasa dipertingkatkan. SPANCO komited untuk memberikan yang terbaik dan akan terus melabur dalam usaha menambah baik keupayaan sistem pada masa hadapan.

# YBHG. DATO' DR. HAJI KHALID IBRAHIM

## MENGUTAMAKAN KUALITI DAN PRESTASI DALAM MENGANGKAT MARTABAT HOSPITAL SUNGAI BULOH

SETIAP butir pendapat dan idea yang diutarakan begitu bersahaja namun cukup bernas dan sangat berwawasan. Dato' Dr. Haji Khalid Ibrahim, tokoh yang sangat disegani dan dihormati kerana kebijaksanaan dan ketulusan beliau menjalankan tanggungjawabnya sebagai Pengarah Hospital Sungai Buloh, Kementerian Kesihatan Malaysia setanding dengan keramahan beliau dengan sesiapa sahaja.

Memulakan tugas sebagai Pengarah Hospital Sungai Buloh pada November 2006, anak kelahiran Kelantan ini begitu komited menjalankan tugas untuk merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan polisi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan dalam pengurusan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Sebagai Pengarah Hospital, beliau turut menangani isu-isu antaranya berkaitan kewangan, tenaga kerja dan peralatan hospital yang turut menjadi sebahagian daripada tugas utamanya selain daripada cabaran-cabaran yang berkait rapat dengan masyarakat.

"Pada peringkat awalnya, melihat pada gahnya bangunan hospital baru ini masyarakat tentunya mengharapkan perkhidmatan yang diberi mestilah yang terbaik. Itu adalah satu cabaran kami, walaupun ramai kakitangan baru namun kami berusaha untuk memberikan khidmat yang berkualiti atau sekurang-kurangnya lebih baik dari apa yang diharapkan.

"Walau berhadapan dengan pelbagai cabaran namun segalanya berjalan lancar. Malah, dengan adanya sistem berkomputer 'Total Hospital Information System' (THIS), lebih






---

ITU ADALAH SATU CABARAN KAMI, WALAUPUN RAMAI KAKITANGAN BARU NAMUN KAMI BERUSAHA UNTUK MEMBERIKAN KHIDMAT YANG BERKUALITI ATAU SEKURANG-KURANGNYA LEBIH BAIK DARI APA YANG DIHARAPKAN.

---

memudahkan pengurusan malah lebih mempertingkatkan prestasi dan mendisiplinkan kakitangan dalam menjalankan tugas. Hospital Sungai Buloh adalah antara lima hospital di Malaysia yang menggunakan THIS," ujarnya yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sains Kelantan.

Kesihatan dan keselamatan baginya adalah dua perkara penting yang harus diutamakan kerana itulah beliau sangat menyambut baik apabila SPANCO mengambil alih pengurusan kereta fleet Kerajaan. Baginya, berbanding dahulu apabila kenderaan pegawai-pegawai JUSA dikendalikan sendiri oleh kementerian, ternyata hari ini tugas pegawai menjadi lebih mudah sejak kenderaan diuruskan oleh SPANCO.

"Saya sangat setuju dengan 'outsourcing' (penyumberan luar) yang dikendalikan oleh SPANCO. Jika dilihat dari sudut kecekapan, kita sendiri yakin dengan kepakaran SPANCO menguruskan kenderaan. Jika dahulu bila hantar kereta ke bengkel, kita tak tahu sama ada alat yang ditukar tulen atau berkualiti. Malah, kalau kereta rosak tiada kereta gantian dan ini amat menyukarkan. Apatah lagi kami sering menjalankan tugas di luar jadi keselamatan perlu dititikberatkan. Bila kita tidak yakin dengan kualiti kerja bengkel tersebut maka tugas pun menjadi tidak fokus dan banyak kerja akan tergendala.

"Malah, SPANCO mempunyai talian

hotline 24 jam yang memudahkan kita berurusan jika berhadapan dengan masalah. Ia seperti 'one stop centre'. Bila ke pusat servis, kita disambut dengan mesra dan mereka akan membantu bagi memudahkan urusan. Dari segi servis pula, memang saya amat puas hati. Selepas kereta selesai diservis, surat akan diberi untuk memberitahu apa yang telah dilakukan pada kenderaan dan kita boleh merekodkannya untuk simpanan. Servis yang sangat memuaskan," ujarnya yang telah menggunakan kereta rasmi SPANCO sejak 2010 lagi bermula dengan Proton Perdana V6.

---

MENGGUNAKAN SATU JENAMA DAN SERVIS DI BAWAH SATU BUMBUNG AKAN LEBIH MEMUDAHKAN. KENDERAAN AMBULANS PERLU LEBIH SELAMAT MALAH USIA KENDERAAN INI JUGA PERLU DIAMBIL KIRA DAN SAYA YAKIN SPANCO BOLEH MELAKUKAN DENGAN BAIK SEKALI SEPERTI KENDERAAN LAIN

---

Bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan SPANCO di masa hadapan Dato' Dr. Haji Khalid turut mencadangkan agar setiap negeri atau wilayah mempunyai wakil kakitangan SPANCO sendiri seperti yang disediakan di Batu

Caves dan Bangi. Juga, beliau berharap agar dapat diadakan perbincangan tahunan antara semua pihak yang terbabit dengan kereta fleet Kerajaan serta mengadakan satu hari terbuka atau 'open day' untuk mempertingkatkan hubungan kerja selain membincangkan isu-isu mengenai kereta yang kurang jelas kepada pelanggan.

Bagi memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat, beliau turut mencadangkan supaya diadakan satu penghargaan atau anugerah kepada pengguna dan jabatan yang menjaga kenderaan mereka dengan baik. Juga anugerah pelanggan bertuah.

"Saya juga mencadangkan agar ambulans juga diserahkan kepada SPANCO. Menggunakan satu jenama dan servis di bawah satu bumbung akan lebih memudahkan. Kenderaan ambulans perlu lebih selamat malah usia kenderaan ini juga perlu diambil kira dan saya yakin SPANCO boleh melakukan dengan baik sekali seperti kenderaan lain," ujarnya lagi.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapannya, Dato' Dr. Haji Khalid menjelaskan bahawa beliau ingin mengembangkan kariernya dengan lebih luas lagi. "Saya ingin melihat kepada servis-servis baharu yang boleh diberikan kepada masyarakat terutamanya dari segi kepakaran, ini akan dapat memudahkan pesakit untuk mendapatkan rawatan," akhirnya.



# MANFAAT MEMBUAT TEMU JANJI SEBELUM MENGHANTAR KERETA UNTUK DISERVIS

PEMERIKSAAN dan servis berjadual merupakan rutin yang amat mustahak bagi mengekalkan prestasi kereta pada tahap terbaik. SPANCO juga sedia maklum akan kesibukan jadual kerja pelanggan menghantar kereta bagi pemeriksaan dan servis berjadual mungkin satu cabaran bagi mereka.

Oleh itu, bagi memudahkan urusan tersebut pihak SPANCO menyarankan agar para pelanggan menggunakan khidmat tempahan servis di mana masa menunggu - bermula dari proses penghantaran kereta hinggalah ke proses serahan kereta - dapat disegerakan.

Proses tempahan servis amat mudah di mana pelanggan hanya perlu menghubungi pihak SPANCO tujuh hari sebelum tarikh temu janji servis. Perkara ini

perlu dilakukan bagi membolehkan pihak SPANCO melakukan persediaan awal berlandaskan proses 4M (Man, Machine, Material, Method).

Menempah temu janji servis bukan sahaja dapat memudahkan jadual tugas anda tetapi ia juga memudahkan pusat servis membuat perancangan awal. Tempahan servis memberi banyak manfaat berbanding menghantar secara terus (walk-in), antaranya:



- 1 Pelanggan tidak menunggu lama untuk dilayan, jika hadir tepat pada masa dan tarikh yang dijanjikan.
- 2 Perancangan awal dan pengagihan tugas-tugas servis dan penyenggaraan dapat dilakukan dengan lebih awal dan efisien, termasuk tenaga kerja mekanik telah dikhaskan bagi pelanggan yang datang melalui tempahan servis.
- 3 Pusat servis boleh menjangka dan melakukan persiapan untuk sebarang masalah berpandukan jenis servis dan kereta yang akan masuk.
- 4 Penyediaan alat ganti yang secukupnya dapat dilakukan berpandukan pakej servis, penyenggaraan atau pembaikan.
- 5 Proses penyenggaraan dan pembaikan dapat disempurnakan dengan lancar berpandukan tempoh kerja yang telah ditetapkan.
- 6 Pelanggan dapat mengambil dan menggunakan kereta semula dengan cepat setelah servis disiapkan mengikut tempoh masa yang dijanjikan.
- 7 Tempoh masa kereta tidak dapat digunakan (vehicle off road) dapat dikurangkan melalui perancangan servis yang teliti.
- 8 Pelanggan memperoleh manfaat dari tahap penggunaan kereta yang tinggi hasil dari perancangan program penyenggaraan yang teratur.





Selain membuat tempahan servis, pelanggan juga berpeluang untuk melakukan proses berikut:

- ➔ Meneliti semula sejarah penyenggaraan melalui buku manual yang disediakan di dalam setiap kereta sebelum menghantarnya ke pusat servis.
- ➔ Mengetahui jenis penyenggaraan bagi perbatuan atau tempoh yang tertentu. Misalnya servis rutin/biasa setiap 10,000km dan servis utama pada 40,000km dan 100,000km. Brek pula perlu diservis apabila mencecah 100,000km.
- ➔ Mengeluarkan barangan berharga dari kereta terlebih dahulu sebelum menyerahkan kepada pusat servis.
- ➔ Memahami senarai tugas yang hendak dilakukan.
- ➔ Bertanya kepada penasihat servis di kaunter perkhidmatan mengenai setiap penyenggaraan dan pembaikan yang bakal dilaksanakan.

Di samping itu,

- ➔ Pelanggan yang menghantar kereta ke Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves atau Bangi akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) apabila kereta telah siap dan sedia untuk diambil.
- ➔ Semasa mengambil semula kereta, pelanggan dinasihatkan untuk memastikan semua tugas yang disenaraikan telah dilakukan dengan sepenuhnya.
- ➔ Sebagai pengguna, pelanggan berhak untuk memaklumkan kepada pusat servis jika terdapat percanggahan antara servis yang telah dilakukan dengan tugas yang tersenarai.
- ➔ Jika tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberi, aduan boleh dibuat secara terus kepada SPANCO melalui **Talian Bebas Tol 1-800-88-6999**.

### LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENDAPATKAN SERVIS

- Membuat temu janji lebih awal sebaik-baiknya tujuh (7) hari sebelum menghantar kereta untuk servis berjadual.
- Menghadirkan diri dengan menghantar kereta ke pusat servis pada tarikh dan masa yang dijanjikan.
- Berjumpa dengan penasihat servis di kaunter perkhidmatan untuk mendapatkan servis yang diperlukan.
- Memberi butiran yang diperlukan termasuk perbatuan serta memaklumkan kepada penasihat servis tentang sebarang kerosakan atau pun aduan mengenai kereta yang dihantar.
- Pelanggan boleh memilih untuk menunggu di pusat servis atau pulang ke pejabat sementara penyenggaraan atau pembaikan kereta dilakukan.
- Pelanggan akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) sebaik sahaja kereta siap untuk diambil (bagi perkhidmatan di PSW Batu Caves dan Bangi).
- Semasa mengambil kereta, pelanggan akan dimaklumkan oleh penasihat servis akan perincian kerja-kerja yang telah dilaksanakan.
- Akhir sekali, pelanggan juga akan diingatkan mengenai tarikh atau perbatuan servis yang berikutnya. Pelanggan disarankan untuk mencatatkannya di dalam diari mereka.



# HIDUP LEBIH PRODUKTIF DENGAN 6 APLIKASI ANDROID

TEKNOLOGI memudahkan anda melakukan apa sahaja. Perantaraan telefon bimbit dan tablet yang menggunakan aplikasi Android sememangnya banyak membantu tugas harian malah, bagi para eksekutif mahupun peniaga ianya satu bonus untuk membolehkan anda terus bergerak aktif dan produktif di mana-mana sahaja.

## MICROSOFT OFFICE UNTUK TABLET

Hanya menggunakan komputer tablet, anda kini boleh bekerja dengan lebih mudah. Terima kasih kepada Microsoft yang telah melancarkan aplikasi Microsoft Office versi penuh untuk tablet terdiri daripada perisian Word, PowerPoint dan Excel. Berfungsi seperti versi desktop sepenuhnya, ia turut mengoptimumkan skrin sesentuh dengan butang yang besar dan mudah untuk ditekan. Malah, menggabungkan platform simpanan dalam talian OneDrive (cloud storage) agar dokumen anda kekal selaras pada semua peranti.



## GOOGLE DOCS, SHEETS DAN SLIDES

Sememangnya Google masih lagi pilihan terbaik untuk telefon pintar Android. Koleksi Google kini menyediakan aplikasi pemproses perkataan (Docs), editor spreadsheet (Sheets) dan persembahan slaid (Slides) dalam satu pakej. Aplikasi ini lebih kemas, menarik dan mempunyai pelbagai ciri berbanding perisian yang setanding. Malahan lebih mudah untuk memasukkan imej, carta dan elemen kompleks lain ke dalam dokumen anda. Ia juga serasi dengan Microsoft Office, memudahkan anda memindahkan dokumen dari telefon pintar kepada komputer.





GOOGLE DRIVE

Terdapat banyak aplikasi 'cloud storage' untuk Android tetapi Google Drive menjadi pilihan utama kerana terbina terus ke dalam sistem operasi. Berfungsi seperti Dropbox, Box dan OneDrive, anda boleh menyimpan fail dan dokumen secara dalam talian terus ke dalam Google Drive dengan selamat untuk dicapai semula menggunakan apa jua peranti dengan sambungan Internet. Malah, ia turut diintegrasikan dengan QuickOffice untuk kemudahan mengedit dokumen yang akan dikemas kini ke dalam Google Drive secara automatik.



MICROSOFT REMOTE DESKTOP

Salah satu cara paling selamat dan diyakini untuk menghubungkan telefon pintar atau tablet kepada komputer anda dari jarak jauh. Microsoft Remote Desktop membolehkan anda menggunakan aplikasi Windows pada telefon pintar atau tablet anda seperti mengakses dan mengedit dokumen Word atau Excel dalam versi desktop sepenuhnya di mana-mana sahaja.



ONENOTE

Microsoft OneNote adalah satu cara mudah untuk mengambil nota anda tanpa sebarang kertas. Aplikasi ini secara automatik menyimpan segala nota anda ke dalam OneDrive agar boleh diakses semula secara dalam talian. OneNote boleh berfungsi bersama akaun Microsoft anda sedia ada selain memanfaatkan pen stylus bagi melukis diagram serta menulis nota. Malahan, ia boleh menyalin semula nota bertulis tangan agar mudah untuk dicari kemudian.



EXPENSE MANAGER

Kini, anda boleh memantau aliran keluar masuk wang anda dengan lebih teliti lagi. Expense Manager menawarkan pelbagai fungsi untuk para peniaga dan eksekutif merekod, menjejak dan mengkategorikan perbelanjaan melalui perantara yang mudah. Anda kemudian boleh menukarkannya ke dalam pelbagai bentuk graf mahupun carta untuk gambaran dan perbandingan yang lebih jelas. Expense Manager adalah salah satu cara untuk membantu menguruskan akaun anda sekali gus membolehkan anda memberi sepenuh tumpuan kepada operasi perniagaan.



## PAMERAN GPEC 2015 (4TH GENERAL POLICE AND SPECIAL EQUIPMENT EXHIBITION AND CONFERENCE) PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DARI 21 - 23 OKTOBER 2015



## PENYERAHAN KENDERAAN PERONDA POLIS UNTUK KONTINJEN SELANGOR KAMPUNG MELAYU SUBANG DARI 15 - 16 SEPTEMBER 2015



## LAWATAN KUNJUNG HORMAT YDH SAC DATO' WAN ABDUL BARI WAN ABDUL KHALID, KETUA JABATAN KETENTERAMAN AWAM / KETUA TRAFIK NEGERI (KL) BATU CAVES PADA 6 OKTOBER 2015





## KEJOHANAN FUTSAL SPANCO 2015 *UPTOWN SPORTS, BANDAR BARU BANGI PADA 18 OKTOBER 2015*



## SEMINAR PEGAWAI TURUS LOGISTIK PENGANGKUTAN / PEGAWAI PENGANGKUTAN POLIS DIRAJA MALAYSIA *LANGKAWI DARI 8-9 SEPTEMBER 2015*

## TAKLIMAT PENGURUSAN KENDERAAN PERONDA POLIS KEPADA PENYELIA- PENYELIA DI SELANGOR *IPD SUNGAI BULOH PADA 22 SEPTEMBER 2015*



## PENYERAHAN KENDERAAN PERONDA POLIS (70 UNIT) UNTUK KONTINJEN PULAU PINANG *PENGKALAN POLIS MARIN WILAYAH 1, PDRM, BATU UBAN, PULAU PINANG PADA 28 OKTOBER 2015*





# 8 TEMPAT PERLU DIKUNJUNGI DI AMERIKA SELATAN

MARI jelajahi 8 destinasi menarik yang mesti anda lawati di Amerika Selatan. Rasai sendiri keindahan dan keunikan tempat-tempat yang sering menjadi bualan ribuan pelancong ini.



## MACHU PICCHU, PERU

Satu peninggalan terbesar dari peradaban Inca kuno, sebuah kota yang dibangun di pergunungan Andes, Peru. Anda boleh mendaki sendiri untuk melihat keajaiban struktur binaan kota bersejarah ini yang menempatkan kuil, tempat penyimpanan dan rumah kediaman.



## MONTEVIDEO, URUGUAY

Montevideo adalah ibu kota Uruguay, merupakan kota terbesar dan pelabuhan utama negara itu. Juga dengan sungai terlebar di dunia iaitu Rio de la Plata menambahkan lagi keunikan bandar Montevideo. Menikmati pemandangan indah melihat matahari terbenam di waktu senja diiringi deruan ombak di pelabuhan pasti mengujakan.



## SAO PAULO, BRAZIL

Sao Paula, kota terbesar di Brazil dengan kepadatan penduduk tertinggi di dunia. Jambatan kabel Octavio Frias de Oliveira antara yang menarik perhatian pelancong kerana ia satu-satunya jambatan di dunia yang memiliki dua trek melengkung dengan sokongan satu tiang konkrit. Juga diterangi cahaya neon menyerlahkan keceriaan malam di kota Sao Paulo.



## HUAYHUASH, PERU

Huayhuash adalah syurga buat penggemar 'trekking'. Keindahan puncak-puncak gunung, danau serta kehidupan alam sekitarnya malah tidak hairanlah jika ia juga dinamakan sebagai trek kedua tercantik di dunia oleh Majalah National Geographic.

### TORRES DEL PAINE NATIONAL PARK, PATAGONIA, CHILE

Taman Negara Torres del Paine menawarkan pemandangan alam semula jadi yang menakjubkan dari pergunungan bersalju, keheningan tasik membiru hingga bongkah glasier yang tersergam megah pastinya meninggalkan pengalaman indah terutama buat para pendaki dan pencinta alam.



5

### BOGOTA, COLOMBIA

Bogota, ibu kota Colombia yang kaya dengan peninggalan sejarah. Walaupun ramai yang mengatakan ia kota berbahaya namun sebenarnya penuh ceria dan kaya dengan pelbagai aktiviti. Jangan lupa untuk menikmati keindahan bandar raya ini dengan menaiki kereta kabel ke Gunung Monserrate.



6

### IGUAZU FALLS ARGENTINA/PARAGUAY/BRAZIL

Bagi mereka yang sukakan suasana air terjun, Iguazu Falls sememangnya pilihan yang tepat. Satu keajaiban alam paling menakjubkan di dunia. Antara yang terbesar di dunia, ia adalah dari rangkaian 275 air terjun yang amat luas sehingga merentasi tiga sempadan negara. Bukan hanya panorama menarik sekeliling malah sangat mengujakan dengan terjunan tertinggi pada 80 meter.



7

### HUACACHINA, PERU

Huacachina merupakan desa kecil yang terletak di Wilayah Ica, Barat Daya Peru, dikelilingi oleh gurun pasir. Daya penarik yang utama adalah oasis yang menjadi pusat kehidupan di sini selain aktiviti popular iaitu luncur pasir.



8



# 'PERSONALISED MEDICINE'

## KONSEP RAWATAN PERIBADI UNTUK SETIAP PESAKIT

TAHUKAH anda usia, gaya hidup dan tahap kesihatan mempengaruhi tindak balas kita terhadap ubat-ubatan yang diambil? Begitu juga dengan genetik. Kajian mendapati faktor genetik dapat menentukan peluang penyembuhan seseorang terhadap penyakit. Hasil daripada penemuan itu, lahirlah konsep 'personalised medicine' atau perubatan peribadi.



Jika lazimnya, para doktor dan hospital akan memberikan jenis ubatan tertentu sebaik mengenal pasti penyakit yang dihadapi pesakit. Tetapi kini, mereka akan mengkaji terlebih dahulu maklumat genetik pesakit bagi menyediakan rawatan dan ubat peribadi yang dapat disesuaikan dengan profil genetik pesakit tersebut.

### Apakah 'Personalised Medicine'?

'Personalised medicine' atau perubatan peribadi adalah konsep perubatan yang agak baharu, menggunakan maklumat genetik seseorang untuk membantu menentukan kaedah pencegahan, diagnosis dan rawatan penyakit.

Penyelidikan mendapati pesakit-pesakit yang menghidap penyakit yang sama dan menerima rawatan yang sama tidak semestinya memperoleh hasil yang serupa. Ini adalah kerana profil genetik seseorang yang unik mempengaruhi tindak balas terhadap rawatan. Malah, ada pesakit yang mendapat kesan toksik daripada ubatan yang diberikan oleh hospital.

Keserasian pesakit terhadap ubat yang diterima amatlah penting bagi

memastikan rawatan yang berkesan untuk peluang penyembuhan sepenuhnya atau kemungkinan penyakit tersebut berulang kembali.

Melalui kaedah ubat peribadi, para doktor dan pesakit itu sendiri lebih memahami penyakit yang dihadapi, justeru mereka mampu mengawalinya mengikut langkah yang lebih tepat dan berkesan.

Kini, konsep ubat peribadi ini sedang berkembang dan kian diamalkan dalam dunia perubatan. Sejarah perubatan dalam keluarga pesakit akan diambil kira sebelum kaedah rawatan atau ubat yang sesuai dapat dikenal pasti.

Ini membolehkan pengamal perubatan menyediakan pencegahan yang lebih baik, penyembuhan yang lebih cepat, pengambilan ubat yang lebih selamat dan rawatan yang lebih berkesan untuk pelbagai penyakit mahupun masalah kesihatan.

Secara ringkasnya, ubat peribadi ini akan mencipta rawatan yang lebih secocok untuk individu dan profil genetiknya, selain mampu mencegah penyakit melalui pengesanan lebih awal serta dapat membangunkan lagi industri perubatan dan terapi dengan lebih cekap.

Maklumat genetik telah pun digunakan

dalam memperbaiki pemilihan dan dos ubatan untuk merawat masalah kesihatan yang meluas termasuklah penyakit kardiovaskular, paru-paru, jangkitan HIV, kanser, artritis, kolesterol tinggi dan kemurungan.




“

Hari ini, ubat semakin dihasilkan khusus untuk individu yang disesuaikan dengan profil genetik pesakit mengikut lingkungan usia, gaya hidup, tahap kesihatan dan alahan.



## Perubatan peribadi menyesuaikan rawatan



Para pesakit memberi reaksi berlainan terhadap satu rawatan yang sama. Contohnya, ubatan untuk kanser kolon berhasil mengubati sekumpulan pesakit tetapi tidak sama sekali mengubah tahap pemulihan kumpulan yang lain atau memberi kesan yang berlawanan. Ini kerana genetik dan profil metabolik pesakit mempengaruhi keberkesanan sesuatu ubat. Ubat peribadi mengambil kira corak selular dan metabolik seseorang semasa mendiagnosis penyakit. Melalui ujian DNA, pengesanan penanda biologi (biomarker diagnostics) dapat mengasingkan pesakit kepada kumpulan dengan ciri-ciri yang sama supaya maklumat rawatan yang terbaik boleh disediakan. Semua pesakit akan memperoleh manfaat dari rawatan dan ubatan secara peribadi ini.

## PILIHAN SERVIS ANDA

### Simbol



Cawangan Proton Edar;  
atau Wakil Servis Sah  
Proton Edar



Khidmat  
Tunda



Pembaikan  
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa  
Dingin



Tayar &  
Bateri

### SARAWAK - FREEMAX AUTOMOBILE SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH  
PROTON EDAR  
FREEMAX AUTOMOBILE SDN  
BHD**







LOT 1204, BLOCK 4 STD  
KM 1 JALAN SIMANGGANG / SERIAN  
95000 SRI AMAN

TEL: 083-325 355  
FAKS: 082-321 268

JURUTEKNIK: 5 ORANG  
HOIST: 4 UNIT

### SARAWAK - DUCKHAMS'S LUB EXPRESS



**WAKIL SERVIS SAH  
PROTON EDAR  
DUCKHAMS'S LUB EXPRESS**







LOT 1417 INDUSTRIAL ESTATE  
1/2 MILE KUBONG ROAD  
P.O. BOX 152  
98707 LIMBANG

TEL: 085-212 849  
FAKS: 085-213 635

JURUTEKNIK: 4 ORANG  
HOIST: 4 UNIT

\*Sila layari [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my) untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

SARAWAK - WKK AUTOMOTIVE SDN BHD

**WAKIL SERVIS SAH  
PROTON EDAR**  
WKK AUTOMOTIVE SDN BHD



LOT 143 BLOCK 13  
JALAN BLETEH  
96800 KAPIT

TEL: 084-796 576  
FAKS: 084-796 881

JURUTEKNIK: 5 ORANG  
HOIST: 6 UNIT



PELANTIKAN BARU - ABC MOTOR SDN BHD

**WAKIL SERVIS SAH  
PROTON EDAR**  
ABC MOTOR SDN BHD



LOT 653, SERIAN BY PASS  
94700 SERIAN SARAWAK  
98707 LIMBANG

TEL: 082-874 584  
FAKS: 082-874 584

JURUTEKNIK: 4 ORANG  
HOIST: 4 UNIT







# Merah tanda berhenti.



**Merah Tanda Berhenti.  
Anda Mampu Mengubahnya.**

Kuning bermakna perlahan dan Merah tanda berhenti. Peraturan ini memastikan keselamatan para pengguna jalan raya. Mengapa anda harus melanggar lampu isyarat dan membahayakan nyawa anda dan juga orang lain?

Patuhi undang-undang, sayangkan nyawa anda dan berhenti pada lampu merah.

Layari [www.jkjr.gov.my](http://www.jkjr.gov.my) untuk mengetahui lebih lanjut.